

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **PENANGGUHAN PELAKSANAAN SPESIFIKASI BAHAN API BAGI PETROL RON95 EURO4M**

Kerajaan telah mula merancang *roadmap* peningkatan kualiti bahan api petrol dan diesel sejak tahun 2006. Pengenalan kualiti bahan api yang lebih tinggi adalah salah satu usaha dalam mencapai matlamat Dasar Teknologi Hijau Negara 2009 iaitu mengurangkan pencemaran alam sekitar serta kesan kepada kesihatan orang awam. Matlamat ini juga menjadi janji ke-39 "Mengimbangi Pembangunan Ekonomi Dengan Perlindungan Alam Sekitar" dalam manifesto Pakatan Harapan.

Kerajaan pada 18 Ogos 2014 telah bersetuju dengan pelaksanaan spesifikasi kualiti bahan api petrol EURO4M dan EURO5 seperti berikut:

- a. Petrol RON97 EURO4M pada 1 September 2015;
- b. Petrol RON95 EURO4M pada 1 Oktober 2018;
- c. Diesel EURO5 pada 1 September 2020; dan
- d. Petrol EURO5 pada 1 September 2025.

Walau bagaimanapun setelah melalui beberapa siri perbincangan antara pihak kerajaan dan syarikat minyak yang berkenaan, kerajaan mendapat maklum bahawa, syarikat minyak memerlukan masa yang lebih untuk membuat persediaan bagi memastikan bekalan petrol RON95 EURO4M memenuhi keperluan pasaran di Malaysia tanpa memberikan kesan kepada harga jualan runcit yang sedia ada kepada pengguna.

Sehubungan dengan itu, **Kerajaan telah memutuskan bahawa tarikh pelaksanaan petrol RON95 EURO4M ditangguhkan dari 1 Oktober 2018 ke 1 Januari 2020.**

Langkah ini adalah untuk menjajarkan perubahan harga kos produk bagi petrol RON95 EURO4M mulai Julai 2019 dengan permulaan kerja-kerja transisi kepada produk petrol RON95 EURO4M di peringkat depoh minyak dan stesen minyak selama 6 bulan.

**Kerajaan juga telah bersetuju supaya peralihan harga bagi produk petrol RON95 EURO4M dibuat secara berperingkat selama 6 bulan bermula Julai 2019** bagi mengurangkan impak perubahan harga kepada pengguna. Kaedah ini juga dilihat lebih adil kepada pengguna kerana dalam tempoh transisi ini pembelian petrol RON95 masih belum memenuhi spesifikasi penuh EURO4M.

**# # #**

---